

Usahawan Malaysia perlu berani teroka peluang pelaburan

Usahawan Malaysia perlu lebih berani meneroka peluang perniagaan dan pelaburan pada peringkat global bagi membantu usaha memperkukuhkan ekonomi negara.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata banyak peluang perniagaan dan pelaburan menguntungkan di luar negara yang berpotensi dimanfaatkan usahawan tempatan.

Katanya, sasaran itu tidak mustahil dicapai kerana pelbagai kemudahan disediakan kerajaan melalui agensi berkaitan bagi membantu usahawan tempatan, seterusnya menyumbang kembali

kepada usaha pengukuhan ekonomi negara.

“Perjanjian Pengecualian Cukai Berganda (DTA) yang ditandatangani bersama negara anggota ASEAN, dengan Kemboja adalah negara terakhir menandatangani, memudahkan lagi aktiviti perniagaan dan pelaburan untuk usahawan kita.

“Ia membantu mengurangkan beban kos yang terpaksa ditanggung komuniti perdagangan kita setiap kali mahu berniaga atau melabur, termasuk di Kemboja.

“Maka, kita berharap lebih ramai usahawan kita mencari peluang niaga menguntungkan di

luar negara, terutama di ASEAN,” katanya pada sidang media sempena lawatan rasminya ke Kemboja, di hotel penginapannya, di sini, semalam.

Pemeteraian perjanjian itu adalah kemuncak lawatan rasmi Dr Mahathir ke negara ini susulan kesepakatan diperoleh bersama rakan sejawatnya dari Kemboja, Hun Sen.

Sementara itu, Dr Mahathir secara keseluruhannya berpuas hati dengan prestasi dagangan Malaysia di Kemboja yang menyaksikan lebih 400 syarikat tempatan beroperasi di negara ini dalam pelbagai sektor perniagaan dan

pelaburan merangkumi perbankan, telekomunikasi, kejuruteraan, perhotelan dan makanan.

“Kemboja memiliki banyak potensi untuk usahawan kita mempertingkatkan operasi perniagaan dan pelaburan mereka, terutama dalam penyediaan bekalan air bersih dan terawat.

“Mereka memiliki banyak sungai besar, tetapi tidak mempunyai kepakaran dan pengalaman memproses air bersih.

“Ini peluang baik untuk syarikat kita yang memiliki kepakaran dalam bidang itu untuk mengembangkan operasi mereka di Kemboja,” katanya.

Beliau berkata, ada juga permintaan untuk PETRONAS mengembangkan sayapnya ke Kemboja bagi membantu membangunkan industri minyak dan gas mereka.

“Selain air bersih, Kemboja turut mengimport minyak dan gas,” katanya.

Selepas Kemboja, Dr Mahathir dijadualkan berlepas ke Vladivostok, Russia bagi menghadiri Forum Ekonomi Timur 2019, hari ini.

Beliau turut diiringi Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Darell Leiking.